



MUHAMMAD Faiz (tengah) menyampaikan sumbangan barang keperluan nelayan di Dewan Serbaguna PNK Teluk Kemang.

Rimas gangguan nelayan asing

HM 10/06/23

M/S 18

Port Dickson: Segelintir nelayan warga asing yang menceroboh perairan Port Dickson untuk mencari hasil laut mendakwa jaring mereka hanyut dari perairan Melaka sehingga ke kawasan perairan berkenaan.

"Manapun mungkin jaring mereka hanyut hingga ke sini kerana biasanya nelayan tahu keadaan cuaca dan arah angin, ini menunjukkan mereka menipu," kata nelayan dari Teluk Kemang, Ayub Baharum, 70, semalam.

Menurut Ayub, pencerobohan secara berleluasa ne-

layan negeri jiran, termasuk warga asing terabit, ke perairan daerah ini membimbangkan nelayan tempatan.

"Sebahagian besarnya pulalah membabitkan nelayan tidak berlesen dan kami harap, pihak berkaitan termasuk Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dapat mengambil tindakan sewajarnya."

"Setiap nelayan yang berdaftar pastinya mempunyai kawasan mengikut sektor yang ditetapkan dan bukan sesuka hati untuk ke mana-mana lokasi sehingga

mengganggu nelayan tempatan.

"Sudah acap kali kami mengadu melalui persatuan tetapi setakat ini tiada tindakan sepatutnya diambil," katanya.

Ayub ditemui pada Majlis Rahmah Mesra Nelayan Bersama Pengerusi LKIM Muhammad Faiz Fadzil di Dewan Serbaguna PNK Teluk Kemang di sini.

Sementara itu, Muhammad Faiz berkata, pihaknya memandang serius masalah pencerobohan nelayan luar sektor ke perairan Port Di-

ckson.

"Saya akan bawa perkara ini untuk dibincangkan oleh semua persatuan negeri tidak lama lagi bagi mencari jalan keluar kerana ia mengganggu nelayan tempatan mencari rezeki," katanya.

Pada majlis itu, 42 nelayan menerima bantuan keseluruhan berjumlah RM26,000 berbentuk jaring dan kotak ikan berinsulasi.

Sembilan nelayan lagi menerima bantuan Program Pembangunan Semula Projek Agromakanan (PPS-PA) berjumlah RM14,827.